

12 MAY 1996

Salleh-KM

TIDAK ADA KRISIS POLITIK DI SABAH, KATA SALLEH

KOTA KINABALU, 12 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri, Datuk Salleh Said Keruak hari ini berkata tidak akan berlaku krisis politik di Sabah berikutan penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Katanya penggiliran itu dilakukan sekadar memenuhi janji Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada kempen pilihan raya umum 1994 yang mahu jawatan Ketua Menteri Sabah digilirkan antara Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam.

"Jika semua pihak dapat terima (penggiliran), saya tidak nampak akan berlaku krisis," katanya kepada pemberita selepas majlis meraikan "Hari Ibu" dan "Hari Jururawat" di Pusat Perubatan Sabah di sini hari ini.

Baru-baru ini Perdana Menteri mengumumkan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, yang juga presiden Parti Maju Sabah (SAPP), akan menggantikan Salleh mengikut sistem penggiliran itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir semalam berkata soal sama ada Yong akan dilantik bergantung kepada keputusan kes mahkamahannya.

Yong bersama empat yang lain didakwa mengikut Akta Polis atas tuduhan mengambil bahagian dalam perarakan haram pada pilihan raya parlimen 1990.

Jika Yong bersalah beliau akan didenda tidak kurang daripada RM2,000 dan ini melupuskan kelayakannya menjadi anggota Dewan Undangan Negeri dan sekaligus menjejaskan jawatan politiknya.

Mengenai kad pengenalan palsu di negeri ini, Salleh berkata kerajaan negeri kini melaksanakan sistem yang ketat dalam proses pengambilan kakitangan awamnya bagi mengelak rakyat asing yang menggunakan kad pengenalan palsu diterima bekerja.

"Jika ada keraguan, saya harap mana-mana pihak dapat mengemukakan perkara ini kepada pihak berkuasa seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) agar tindakan wajar dapat diambil," katanya.

"Penggunaan kad pengenalan palsu untuk menyertai Angkatan Tentera, saya anggap satu perkara yang serius," katanya semasa mengulas laporan sebuah akhbar tempatan hari ini berhubung kes rakyat asing yang memohon menjadi anggota tentera dengan menggunakan kad pengenalan palsu.

Laporan itu memetik Pegawai Pengambilan Anggota Tentera bagi Sabah dan Sarawak, Kpt Mohd Yazid Abdullah sebagai berkata Angkatan Tentera sedang mengetat proses pengambilan anggota setelah mengesan dua kes rakyat asing di negeri ini yang memohon menjadi anggotanya menggunakan kad pengenalan palsu.

Salleh berkata beliau sukacita yang Angkatan Tentera menggunakan kaedah yang ketat dalam proses pengambilan anggota tentera.

Lebih 50 rakyat negeri ini termasuk tokoh politik serta pegawai dan kakitangan JPN negeri sudah ditangkap di bawah ISA sejak pertengahan tahun lepas berhubung kes membuat dan mengedar kad pengenalan palsu di negeri ini.

Sempena kedua-dua sambutan itu, majlis juga untuk meraikan kepulangan isteri Salleh, Datin Raya Erom yang selamat menjalani pembedahan ringan Khamis lepas di pusat perubatan itu.

Yang turut bersama pada majlis itu kanak-kanak terencat akal dari Sekolah Bukit Harapan di sini, di mana Raya adalah penaungnya.

-- BERNAMA

OPP AHH